

Media: Berita Harian Online

Date: 25 May 2023

Ajinomoto buka kilang baharu di Bandar Enstek untuk lawatan

Oleh Nur Amira Mohd Hedzer - Mei 25, 2023 @ 11:25am

bhbiz@nstp.com.my



Kilang baharu Ajinomoto menggunakan teknologi canggih yang mengoptimalkan operasi - Foto ihsan AMB

KUALA LUMPUR: Ajinomoto (M) Bhd (AMB) membuka kilang baharu yang terletak di Bandar Enstek Halal Hub untuk lawatan orang ramai.

Kilang pintar dan mesra alam itu adalah bangunan hijau yang disahkan secara rasmi dengan penarafan 'Perak' Indeks Bangunan Hijau (GBI).

AMB dalam kenyataan berkata, kilang itu menggunakan teknologi canggih yang mengoptimalkan operasi melalui automasi dan pendigitalan untuk meningkatkan kecekapan serta produktiviti.

"Kilang ini direka bentuk untuk menyediakan pekerja dengan persekitaran yang kondusif dan mesra kerja termasuk dilengkapi kemudahan rekreasi.

"Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti lawatan galeri dan koridor pengeluaran, demonstrasi masakan dan sesi hidangan ringkas," katanya.

Syarikat itu berkata, pengunjung yang mengikuti sesi lawatan secara percuma ini bakal menerima cenderung menarik dan pelbagai sampel produk.

Sesi lawatan boleh dilakukan bermula Isnin ini, jam 9 pagi sehingga 4 petang.

Maklumat lanjut mengenai lawatan dan pendaftaran boleh didapati di laman web Ajinomoto Malaysia di <https://www.ajinomoto.com.my/contactus/factory-visit-0>.

AMB memulakan operasi perniagaan pada 1961 sebagai salah satu syarikat Jepun yang pertama di Malaysia.

Ia adalah sebahagian daripada Kumpulan Ajinomoto, pengeluar global makanan dan perencah berkualiti tinggi, bermula dengan Perencah Umami AJI-NO-MOTO yang ditemui dan dikeluarkan lebih dari

100 tahun lalu di negara matahari terbit itu.

AMB ketika ini mempunyai rangkaian produk di bawah jenama AJI-NO-MOTO, Rasa Sifu, SERI-AJI, AJI-SHIO, TUMIX, PAL SWEET, AJI-NO-MOTO PLUS, AJI-MIX dan aminoVITAL.

Syarikat itu telah berkembang menjadi pengeluar makanan dan perencah yang dinamik dan bertanggungjawab serta dipercayai rakyat Malaysia selama beberapa dekad.

AMB menasarkankan untuk menjadi syarikat makanan halal global yang mengutamakan pelanggan pada masa hadapan.